

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

1. Apakah produk ini?

- Pembiayaan Ar-Rahnu adalah kemudahan patuh Syariah yang menggunakan barang emas sebagai cagaran bagi menjamin obligasi keterhutangan. Tempoh dan kadar pembiayaan ditentukan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Agrobank dan Pelanggan).
- Ciri-ciri Pembiayaan Ar-Rahnu:-

Kriteria kelayakan	▪ Terbuka kepada Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap berumur 18 tahun sehingga 70 tahun (semasa permohonan).									
Jenis-jenis barang Emas	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Barang Emas gred: 999, 950, 916, 875, 835 dan 750 ▪ Barang Kemas Emas (termasuk yang bertatahkan batu permata, bersadur warna "chrome/ rose gold"), Syiling Emas, Dinar, Kepingan Emas dan Jongkong Emas*. ▪ Barang Kemas yang tidak diterima adalah keseluruhan Emas Putih dan "Rose Gold" serta Barang Kemas Emas yang mempunyai enamel. <p>*Nota: Tertakluk kepada kriteria / gred yang diterima.</p>									
Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Maksimum sehingga 80%* daripada nilai pasaran semasa barang emas. *tertakluk kepada jenis barang emas 									
Tempoh Matang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Lapan belas (18) bulan. 									
Kadar Keuntungan Bulanan	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Nilai Marhun (NM)</th> <th style="text-align: center;">Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">RM100-RM2,000</td> <td style="text-align: center;">RM0.55</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">RM2,001-RM5,000</td> <td style="text-align: center;">RM0.65</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">RM5,001 & ke atas</td> <td style="text-align: center;">RM0.80</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: Keuntungan Bulanan Minimum adalah RM10.</p>		Nilai Marhun (NM)	Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM	RM100-RM2,000	RM0.55	RM2,001-RM5,000	RM0.65	RM5,001 & ke atas	RM0.80
Nilai Marhun (NM)	Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM									
RM100-RM2,000	RM0.55									
RM2,001-RM5,000	RM0.65									
RM5,001 & ke atas	RM0.80									
Cara Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keuntungan Bulanan: Setiap enam (6) bulan secara sekaligus. ▪ Jumlah Pembiayaan: Secara sekaligus pada/ sebelum Tarikh Matang. 									

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Tawarruq melibatkan dua (2) kontrak jual beli yang berasingan. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pelanggan) secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.
- Rahn merujuk kepada satu kontrak gadaian di mana satu pihak sebagai Penggadai ("Rahin") membuat gadaian ke atas aset sebagai cagaran ("Marhun") bagi memenuhi liabiliti atau obligasi keterhutangannya kepada satu pihak yang lain iaitu Penerima Gadaian ("Murtahin") sekiranya berlaku kegagalan di pihak Penggadai dalam memenuhi obligasi tersebut.

3. Apakah kelebihan Pembiayaan Ar-Rahnu Agrobank?

Cara mudah untuk memperoleh pembiayaan tunai dengan hanya menyediakan cagaran dalam bentuk barang emas kepada Agrobank.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah membuat bayaran Jumlah Keuntungan Bulanan sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan setiap enam (6) bulan.

Senario pengiraan Keuntungan Bulanan adalah seperti berikut:-

Nilai Marhun (NM)	RM1,000
Margin Pembiayaan	80% dari NM
Jumlah Pembiayaan	RM800
Kadar Keuntungan Bulanan	RM0.55 bagi setiap RM100NM

- Keuntungan Bulanan =RM1,000 x RM0.55/100
=RM5.50 (Keuntungan Bulanan Minimum RM10)
=RM10

- Jumlah Keuntungan Bulanan (6 bulan) = $RM10 \times 6$ bulan = RM60
- Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + [Keuntungan Bulanan x 18 bulan]
 $= RM800 + [RM10 \times 18] = RM980$

5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

Pihak Agrobank berhak untuk menjual barang emas yang telah dicagarkan bagi menjelaskan Jumlah Pembiayaan berserta Keuntungan yang dikenakan dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan penjualan tersebut.

6. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan hutang pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:

- a) Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum Tarikh Tamat Tempoh Aqad;
- b) Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturkan pembiayaan;
- c) Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkinan mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
- d) Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamatkan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah rebat/ibra' pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:-

Ibra' pada masa penjelasan = Keuntungan tertangguh

7. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- Pelan Perlindungan Takaful Kredit
 Anda digalakkan mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada panel Syarikat Takaful kami atau Syarikat Takaful pilihan anda bagi menjamin jumlah keterhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas anda. Walau bagaimanapun, pengambilan Takaful dari panel Syarikat Takaful kami adalah amat digalakkan bagi menjamin kepentingan Bank dan anda.
- Pelan Perlindungan bagi Barang Cagaran
 Barang emas yang dicagarkan adalah tertakluk di bawah polisi Takaful yang dibiayai oleh Agrobank. Agrobank akan memberikan gantirugi mengikut kadar yang sama dengan nilai asal cagaran sekiranya terjadi kerosakan/kehilangan semasa berada di dalam simpanan Agrobank.

8. Apakah risiko utamanya?

Lelongan Barang Cagaran

Sekiranya anda gagal menyelesaikan jumlah keterhutangan sebelum atau pada tempoh yang ditetapkan, pihak Agrobank berhak melaksanakan lelongan ke atas barang cagaran bagi menyelesaikan jumlah keterhutangan tersebut. Sekiranya terdapat lebihan dari hasil lelongan setelah ditolak dengan jumlah keterhutangan, Pelanggan adalah berhak ke atas lebihan tersebut. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah tertakluk kepada jumlah keterhutangan sekiranya hasil lelongan adalah kurang dari jumlah yang perlu diselesaikan. Pelanggan tidak dibenarkan untuk membuat penebusan sekiranya Barang Cagaran telah dipamerkan di dalam tender jualan. Pelanggan dikehendaki mengemukakan bidaan bagi sesi lelongan.

9. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Ya, barang kemas emas anda akan diambil sebagai cagaran bagi menjamin pembiayaan yang diberikan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi Pelanggan untuk memaklumkan kepada pihak Agrobank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

Tel: 1-300-88-2476 Faks: 603-2691 7790 E-mel : customer@agrobank.com.my

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut, bantuan dan membuat aduan?

- a) Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan pembayaran anda, hubungi Agrobank terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran dan bagi sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan sila hubungi Agrobank di:

Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-2476 Faks: 603-2691 7790 E-mel: customer@agrobank.com.my

- b) Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula pembiayaan secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 1-800-22-2575 E-mel: enquiry@akpk.org.my

- c) Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Agrobank, anda boleh menghubungi Agrobank di:

Client Relationship Management, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-2476 Faks: 603-2691 7790 E-mel: customer@agrobank.com.my

- d) Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh Agrobank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 Faks: 603-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Apakah produk lain yang mungkin diminati/relevan kepada saya?

- i. Pembiayaan Peribadi 'AgroCash-i'
- ii. Pembiayaan bercagarkan Deposit Berjangka 'Special Advance For Investment Asset-i (SAFIA-i)'

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan di sini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.

NOTA PENTING:

PIHAK BANK BERHAK MENOLAK ATAU MENARIK BALIK PERMOHONAN/ PEMBIAYAANINI DAN BERHAK MELELONG CAGARAN JIKA PELANGGAN DIDAPATI GAGAL MENJELASKAN JUMLAH PEMBIAYAAN BERSERTA KEUNTUNGAN YANG DIKENAKAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN YANG BERKAITAN PENJUALAN TERSEBUT. PIHAK BANK JUGA BOLEH MENGENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS PELANGGAN JIKA BARANG CAGARAN ADALAH PALSU.

Penafian:

Informasi yang terkandung di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif/ petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam 'Terma dan Syarat Pembiayaan Ar-Rahnu'.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Sila hubungi cawangan terdekat atau layari www.agrobank.com.my untuk maklumat lanjut.